

BAHAGIAN A : KARANGAN RESPONS TERTUTUP / TERHAD

[30 markah]

KAEDAH PEMERIKSAAN

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Tanda karangan calon seperti biasa sekiranya karangan itu panjangnya antara 150 hingga 200 perkataan.
3. Periksa jawapan calon setakat **200 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
4. Jika karangan :
 - (a) Kurang daripada 150 periksa sebagaimana berikut :
 - 01 patah perkataan hingga 49 patah perkataan (Pencapaian Minimum)
 - 50 patah perkataan hingga 149 patah perkataan (Kurang Memuaskan)
5. Periksa hendaklah memberikan komen pada karangan yang diperiksa.

KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN A

PERINGKAT	KRITERIA
<i>Cemerlang</i> 26-30 (28-30) (26-27)	• Karangan menepati tugas bahan rangsangan • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik • Idea relevan dengan tugas bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang.
<i>Kepujian</i> 20-25 (23-25) (20-22)	• Karangan menepati tugas bahan rangsangan • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Idea relevan dengan tugas bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas.
<i>Memuaskan</i> 15-19 (17-19) (15-16)	• Karangan masih menepati tugas bahan rangsangan. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum. • Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. • Idea masih relevan dengan tugas bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.
<i>Kurang Memuaskan</i> 10-14 (12-14) (10-11)	• Karangan masih/ kurang menepati tugas bahan rangsangan. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. • Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. • Idea kurang relevan dengan tugas bahan rangsangan dan huraian kurang jelas
<i>Pencapaian Minimum</i> 01-09 (06-09) (01-05)	• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tugas bahan rangsangan

#Julat markah tertakluk kepada perubahan.

BAHAGIAN B : KARANGAN RESPONS TERBUKA

[70 Markah]

KAEDAH PEMERIKSAAN

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Tanda karangan pelajar seperti biasa sekiranya karangan itu panjangnya antara 350 hingga 500 perkataan.
3. Periksa jawapan calon setakat **500 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
4. Jika karangan **Bahagian B** kurang daripada 500 periksa sebagaimana berikut :
 - 01 patah perkataan hingga 100 patah perkataan (Pencapaian Minimum)
 - 100 patah perkataan hingga 349 patah perkataan (Kurang Memuaskan)
5. Periksa hendaklah memberikan komen pada karangan yang diperiksa.

KRITERIA PERSKORAN : BAHAGIAN B

PERINGKAT	BAHASA	IDEA	PENGOLAHAN
CEMERLANG 59 – 70 (66 – 70) (59 – 65)	• Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis • Ejaan dan Tanda Baca betul • Laras Bahasa sesuai dengan tugas • Penggunaan Kosa Kata luas dan tepat • Penggunaan unsur bahasa bervariasi • Gaya Bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata, atau frasa	Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai	Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai
KEPUJIAN 45 – 58 (52 – 58) (45 – 51)	• Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Ejaan dan Tanda Baca betul • Laras Bahasa sesuai dengan tugas • Penggunaan Kosa Kata luas dan tepat • Penggunaan unsur bahasa bervariasi • Gaya Bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata, atau frasa	Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai	Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai
BAIK 35 – 44 (41 – 44) (35 – 40)	• Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai • Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Ejaan dan Tanda Baca masih betul • Penggunaan kosa kata umum • Laras Bahasa sesuai mengikut tugas • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi • Gaya Bahasa yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan • Wacana masih lengkap	Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai	Pengolahan masih menarik dan pemerenggan masih sesuai
MEMUASKAN 23 – 34 (29 – 34) (28 – 23)	• Penggunaan pelbagai jenis kata terhad • Ayat kurang gramatis • Ejaan dan Tanda Baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Penggunaan kosa kata umum dan terhad • Laras Bahasa kurang sesuai • Wacana masih / kurang lengkap • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi • Gaya Bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan	Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai	Pengolahan kurang menarik

KURANG MEMUASKAN 11 – 22 (17 – 22) (11– 16)	• Penggunaan kata kurang tepat • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara • Unsur bahasa tidak bervariasi • Gaya Bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang	Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai	Pengolahan tidak menarik
PENCAPAIAN MINIMUM 01 – 10 (06 – 10) (01 – 05)	• Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik • Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai	Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai	Pengolahan tidak menarik

#Julat markah tertakluk kepada perubahan.

BAHAGIAN A

[30 markah]

Maklumat di bawah berkaitan dengan pelancongan di negara kita.

Huraikan pendapat anda tentang **pelancongan di negara ini.**

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

Kehendak / tugas soalannya:

Calon perlu menghuraikan **usaha dan faktor untuk menarik kedatangan pelancong ke negara ini / Malaysia.**

Cadangan idea/isi:

Gambar 1 – Bilangan kedatangan pelancong ke Malaysia (dari tahun 2015 hingga 2019)

Gambar 2 – Usaha menarik pelancong (promosi – Cuti-cuti Malaysia)

Gambar 3 – Faktor tarikan pelancong – melihat / mengkaji bangunan bersejarah

BAHAGIAN B
[70 markah]

Soalan 1

Petikan berita di atas menjelaskan isu perpaduan di negara ini dan aktiviti sukan sangat berperanan sebagai agen perpaduan dalam menyatukan masyarakat berbilang kaum.

Bincangkan.

Kehendak / tugas soalannya:

Calon diharapkan dapat **menjelaskan peranan aktiviti sukan dalam menyatukan masyarakat berbilang kaum.**

Cadangan idea/isi:

1. Aktiviti sukan dapat mengeratkan silaturahim
2. Aktiviti sukan didedahkan /diperkenalkan kepada seseorang sejak mereka kecil
3. Pelibatan murid dalam aktiviti sukan di sekolah dan IPT
4. Kebanyakan sukan disertai oleh pelbagai kaum
5. Aktiviti sukan tertentu menjadi kegemaran semua kaum
6. Pelbagai kaum sanggup berkorban masa, tenaga dan wang ringgit dalam menyokong aktiviti sukan.
7. Peruntukan besar oleh kerajaan dalam bidang sukan negara
8. Tokoh sukan tanpa mengira kaum menjadi idola masyarakat

Soalan 2

Amalan menabung merupakan perkara penting dalam kehidupan seseorang. Anda sebagai Pengerusi Kelab Koperasi diminta untuk menyampaikan sebuah ceramah tentang amalan menabung dalam kehidupan sempena sambutan Hari Koperasi Sekolah.

Sediakan teks ceramah selengkapnya.

Kehendak / tugas soalannya:

Calon diharapkan dapat **menulis teks ceramah mengenai amalan menabung dalam kehidupan.**

Cadangan idea/isi:

1. Berbelanja secara berhemat agar dapat berjimat cermat melalui amalan menabung.
2. Menabung dapat membantu kita dalam keadaan kecemasan yang memerlukan wang.
3. Persediaan melanjutkan pelajaran melalui pembukaan akaun SSPN.
4. Dapat membantu ahli keluarga yang menghadapi masalah kewangan.
5. Memenuhi impian dan kehendak dengan cara menabung sedikit demi sedikit.
6. Tabungan jangka panjang merupakan persediaan menghadapi kehidupan hari tua.

Soalan 3

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa kem motivasi sangat berguna kepada murid semasa cuti sekolah. Mereka mampu berjaya dalam pelajaran apabila mempunyai motivasi yang tinggi.

Bincangkan usaha-usaha untuk menarik minat murid menyertainya.

Kehendak / tugas soalannya:

Calon diharapkan dapat **menghuraikan usaha-usaha untuk menarik minat murid menyertainya kem motivasi.**

Cadangan idea/isi:

1. Pemilihan tajuk program yang berkesan dan bermanfaat kepada murid.
2. Kaedah / teknik penyampaian yang bertenaga dan pelbagai bagi menceriakan suasana.
3. Tempat yang kondusif bagi keselesaan peserta.
4. Fasilitator yang berkemahiran dan terkenal untuk keyakinan diri murid.
5. Agenda program yang pelbagai dan bukan tertumpu kepada ceramah semata-mata.
6. Menyediakan imbuhan / ganjaran kepada para peserta yang menyertainya seperti sijil penyertaan.
7. Penglibatan semua pihak seperti guru dan ibu bapa dalam program motivasi supaya murid dihargai.

Soalan 4

Anda bercita-cita ingin menjadi seorang usahawan dalam talian yang berjaya. Banyak bukti telah menunjukkan bahawa perniagaan secara dalam talian menjadi pilihan masyarakat kita.

Huraikan ciri-ciri perniagaan dalam talian yang mampu memajukan urusan anda.

Kehendak / tugas soalannya:

Calon diharapkan dapat **menghuraikan ciri-ciri perniagaan secara dalam talian yang mampu memajukan urusan anda.**

Cadangan idea/isi:

1. Pilih platform e-dagang yang tepat untuk memudahkan cara mempromosi sesuatu produk seperti Lazada atau Shopee.
2. Pamerkan strategi penghantaran yang berjaya seperti sistem pembungkusan yang baik, masa penghantaran yang cepat dan lokasi penghantaran yang tepat.
3. Promosi barangan dengan harga murah seperti diskaun dan tebus milik melalui sistem kupon atau point.
4. Mengembangkan produk melalui wakil jualan seperti dropship, ejen atau stokis supaya mudah dikenali ramai.
5. Setiap individu yang bergelar usahawan perlulah jujur dalam perniagaan, mesra dengan pengguna, rajin mendapatkan pelanggan dan bersikap terbuka menerima pandangan.
6. Minta maklum balas di ruangan komen dan sembang langsung dengan pelanggan agar dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produk.